PRULink Dana Urus

All data is as of 31 July 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年7月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Julai 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / *Objektif Dana*

PRULink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and Islamic debt securities through PRULink Dana Unggul and PRULink Dana Aman and in any other such PRULink funds that may become available in the future.

PRULink Dana Urus乃是一项管理基金,其目标为在中至长期内赚取最高的回酬.为达致此目标,本 基金通过PRULink Dana Unggul, PRULink Dana Aman以及其他将会推介的PRULink fund以投资于回教教义批准的股票与回教债务证券。

PRULink Dana Urus *merupakan satu dana terurus yang bertujuan menyediakan pulangan maksimum bagi jangka sederhana hingga panjang. Ini boleh dicapai dengan pelaburan dalam saham-saham patuh Shariah dan sekuriti hutang Islam melalui* PRULink Dana Unggul *dan* PRULink Dana Aman *dan mana-mana dana PRULink yang mungkin ada di masa depan.*

Fund Details / 基金详情 / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / 投资经理 / *Pengurus Pelaburan*	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad 瀚亚伊斯兰投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / *Tarikh Diterbitkan*	01/08/2000
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / *Saiz Dana Terkini*	RM100,550,925.02
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	1.50%
Current NAV / 目前的净资产值 / *NAB Terkini*	RM3.87830

How the Fund has performed / 基金表现 / *Prestasi Dana*

Performance Graph / 表现图表 / *Jaduan Prestasi Dana*

PRULink Dana Urus vs 70% FTSE-Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMSHA) + 30% 12 Month Maybank Fixed Deposit



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / *Pergerakan Harga*	1.57%	-0.85%	0.66%	7.05%	17.61%	14.42%	287.30%
Benchmark / 基准指标 / *Penanda Aras*	1.83%	-0.52%	2.16%	8.49%	14.16%	8.63%	126.21%
Outperformance / 表现对比 / *Perbezaan Prestasi*	-0.26%	-0.33%	-1.50%	-1.44%	3.45%	5.79%	161.09%

Source / 资料来源 / *Sumber*: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 July 2026

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / *Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari* www.maybank2u.com.my and www.bursamalaysia.com/market

Where the Fund invests
基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
资产配置 / *Peruntukan Aset*

		% NAV
1	PRULink Dana Unggul	70.69
2	PRULink Dana Aman	29.30
3	Cash, Deposits & Others	0.01

PRULink Dana Unggul Top 10 Holdings
10大持股 / *10 Pegangan Teratas*

		%
1	Tenaga Nasional Bhd	10.18
2	Sd Guthrie Bhd	6.80
3	Press Metal Aluminium Holdings Bhd	6.72
4	Ihh Healthcare Bhd	6.49
5	Telekom Malaysia Bhd	5.59
6	Gamuda Bhd	4.85
7	Petronas Gas Bhd	3.89
8	Westports Holdings Bhd	3.07
9	Malayan Cement Bhd	2.77
10	Petronas Chemicals Group Bhd	2.72

PRULink Dana Aman Top 10 Holdings
10大持股 / *10 Pegangan Teratas*

		%
1	Government Investment Issues*	7.47
2	Government Investment Issues*	5.02
3	Danainfra Nasional Bhd	3.89
4	Rp Hydro Kelantan Sdn Bhd	3.79
5	Ytl Power International Bhd*	3.75
6	Manjung Island Energy Bhd	3.66
7	Lbs Bina Group Bhd	3.65
8	Exsim Capital Resources Bhd	3.58
9	Ytl Power International Bhd*	3.58
10	Kami Builders Sdn Bhd	3.54

* Different coupon rates & maturity dates for each.

PRULink Dana Urus

All data is as of 31 July 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年7月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Julai 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / *Peningkatan Bulanan*

Market Review / 市场回顾 / *Tinjauan Bulanan*

Equity / 股票市场 / *Ekuiti*

Malaysia's equity market delivered a strong performance in July, supported by improving domestic macroeconomic fundamentals, a return of foreign investor inflows, and encouraging corporate earnings results. These positive factors helped offset persistent external uncertainties and underpinned broad market resilience . A key domestic development during the month was the Johor State Election, where Barisan Nasional strengthened its mandate by securing 48 of 56 seats, up from 40 seats in the 2022 election. Malaysia outperformed most regional markets, particularly North Asia, where equities corrected sharply amid growing concerns over the sustainability of AI-related capital expenditure and earnings expectations. In South Korea, margin calls further amplified the sell- off and weighed on investor sentiment across the region.

Meanwhile, geopolitical developments remained a source of volatility. Renewed tensions between the US and Iran periodically unsettled markets, although investors appeared increasingly desensitized to the rapidly changing news flow, limiting the impact on risk appetite compared with previous episodes.

The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,596.29, up 2.54% MoM. The FBM Small Cap Shariah index was up +2.01%, slightly underperforming the FBM Emas Shariah Index.

马来西亚股市7月份表现强劲，主要受国内宏观经济基本面持续改善、外资重新流入以及企业盈利表现令人鼓舞等因素支持。这些积极因素抵消了持续存在的外部不确定性，支撑市场整体保持韧性。月内，国内一项重要事件是柔佛州选举。国阵在56个议席中赢得48席，较2022年选举时的40席有所增加，进一步巩固了其民意授权。马股跑赢大多数区域市场，尤其是北亚市场。北亚股市大幅回调，主要由于市场对人工智能相关资本支出及盈利预期可持续性的担忧日益加剧。在韩国，保证金追缴进一步加剧了抛售压力，并拖累了整个地区的投资者情绪。

与此同时，地缘政治局势仍是市场波动的重要来源。美伊紧张局势再度升温，不时令市场承压。不过，投资者似乎已逐渐适应快速变化的消息面，因此与此前类似事件相比，相关事件对市场风险偏好的影响有所减弱。

富马回教全股项指数月末收于12,596.29点，按月上涨2.54%。富马回教小型股指数上涨2.01%，表现略逊于富马回教全股项指数。

Pasaran ekuiti Malaysia menunjukkan prestasi kukuh pada bulan Julai, disokong oleh asas makroekonomi domestik yang semakin baik, pengembalian aliran masuk pelabur asing, dan keputusan pendapatan korporat yang menggalakkan. Faktor-faktor positif tersebut menimbal ketidakpastian luaran dan menyokong daya tahan pasaran keseluruhan. Peristiwa dalam negeri yang penting dalam bulan tinjauan ialah Pilihan Raya Negeri Johor, yang mana Barisan Nasional mengukuhkan mandatnya dengan membolot 48 daripada 56 kerusi, satu peningkatan berbanding kemenangan 40 kerusi dalam pilihan raya 2022. Malaysia mengatasi kebanyakan pasaran serantau, terutama sekali Asia Utara, bila mana ekuiti mengalami pembetulan mendadak di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kemampanan perbelanjaan modal dan jangkaan pendapatan berkaitan AI. Di Korea Selatan, panggilan margin memburukkan lagi penjualan saham secara besar-besaran, justeru keyakinan pelabur di seluruh rantau ini terjejas.

Sementara itu, perkembangan geopolitik masih lagi punca volatiliti. Ketegangan baharu antara AS dan Iran dari semasa ke semasa mengocak pasaran, walaupun pelabur kelihatan semakin kurang terkesan dek arus berita yang berubah dengan pantas, lalu mengehadkan impak ke atas selera risiko berbanding sebelum ini.

Indeks FBM Emas Shariah menutup bulan pada 12,596.29, naik 2.54% MoM. Indeks FBM Small Cap Shariah naik +2.01%, tidak mengatasi Indeks FBM Emas Shariah dengan perbezaan yang kecil.

Fixed Income / 固定收益市场 / *Pendapatan Tetap*

The Federal Reserve ("Fed") kept the federal funds rate unchanged at 3.50% to 3.75% for a fifth straight meeting in July 2026, citing solid economic growth, a resilient labour market, strong productivity and investment, and inflation that remains above its 2% target. Nonfarm payrolls unexpectedly shed 23,000 jobs in July 2026, following a downwardly revised gain of 20,000 in June, as losses in education, retail trade and financial activities outweighed gains in healthcare. Meanwhile, the unemployment rate eased slightly to 4.1% (Jun: 4.2%), largely due to a further decline in the labour force participation rate rather than stronger hiring demand. Inflation moderated but remained elevated, with the headline PCE Price Index increased 3.7% YoY in June (May: 4.1%), well above the Fed's 2% target. Consumer sentiment improved, with the University of Michigan Consumer Sentiment index rose to 55.2 in July (Jun: 49.5), supported by lower energy prices following an earlier geopolitical-driven spike. Business activity remained robust, with the Manufacturing PMI rose to 55.6 (Jun: 53.3), its highest level since May 2022, reflecting stronger factory output and resilient new orders, while Service PMI edged up to 54.1 (Jun: 54.0), continuing to signal expansion in the services sector.

In July, Malaysia's MGS and GII yields edged higher, rising between 5 bps and 12 bps in line with global yields movements. Foreign investors were net sellers during the month, recording net outflows of RM5.6 billion (June: RM4.9 billion net inflow), which brought YTD net inflows to RM3.4 billion. Meanwhile, the 10Y UST yield rose sharply to 4.75% (Jun: 4.44%) as escalating Middle East tensions fuelled concerns over supply disruptions, driving oil prices higher and reviving inflation concerns.

美联储在2026年7月连续第五次会议上将联邦基金利率维持在3.50%至3.75%的区间不变，并指出经济增长稳健、劳动力市场具有韧性、生产率和投资保持强劲，同时通胀率仍高于2%的目标水平。2026年7月非农就业岗位意外减少2.3万个，此前6月份的增幅已向下修正至2万个。教育、零售贸易及金融活动领域的就业岗位减少，超过了医疗保健领域的就业增长。与此同时，失业率小幅下降至4.1%（6月：4.2%），主要是由于劳动参与率进一步下降，而非招聘需求增强。通胀有所放缓，但仍处于高位，6月份整体个人消费支出（PCE）物价指数按年上涨3.7%（5月：4.1%），远高于美联储2%的目标水平。消费者信心有所改善，密歇根大学消费者信心指数7月份升至55.2（6月：49.5），主要受到能源价格回落的支持，此前能源价格曾因地缘政治局势升温而上涨。商业活动依然稳健，制造业采购经理人指数（PMI）升至55.6（6月：53.3），创2022年5月以来最高水平，反映工厂产出增强及新订单保持韧性；服务业PMI小幅升至54.1（6月：54.0），继续显示服务业处于扩张状态。

7月份，马来西亚政府证券（MGS）和政府投资票据（GII）收益率小幅上升5至12个基点，与全球债券收益率走势一致。外国投资者当月录得56亿令吉的净流出（6月：净流入49亿令吉），使年初至今累计净流入降至34亿令吉。与此同时，随着中东紧张局势升级，市场对供应中断的担忧加剧，推动油价上涨，并重新引发对通胀的担忧，10年期美国国债收益率大幅升至4.75%（6月：4.44%）。

Rizab Persekutuan ("Fed") mengekalkan kadar dana persekutuan pada 3.50% hingga 3.75% dalam mesyuarat kelima berturut-turut pada Julai 2026, memetik pengukuhan pertumbuhan ekonomi, daya tahan pasaran buruh, kerancakan produktiviti dan pelaburan, serta inflasi yang kekal melebihi sasaran 2%. Senarai gaji sektor bukan perladangan secara tidak diduga berkurangan 23,000 pekerjaan pada Julai 2026, susulan peningkatan yang disemak semula sebanyak 20,000 pekerjaan pada Jun, memandangkan kerugian dalam sektor pendidikan, perdagangan runcit dan aktiviti kewangan mengatasi keuntungan penjagaan kesihatan. Sementara itu, kadar pengangguran sedikit susut kepada 4.1% (Jun: 4.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar penyertaan tenaga buruh yang semakin merosot dan

bukannya permintaan pengambilan pekerja yang lebih kukuh. Inflasi menyederhana tetapi kekal tinggi, dengan Indeks Harga PCE utama meningkat 3.7% YoY pada Jun (Mei: 4.1%), melangkau jauh dari sasaran 2% Fed. Sentimen pengguna bertambah baik, dengan Indeks University of Michigan Consumer Sentiment meningkat kepada 55.2 pada Julai (Jun: 49.5), disokong oleh harga tenaga yang lebih rendah selepas lonjakan harga yang didorong geopolitik sebelum ini. Aktiviti perniagaan terus utuh, dengan PMI Pembuatan meningkat kepada 55.6 (Jun: 53.3), paras tertinggi sejak Mei 2022, mencerminkan pengukuhan output kilang dan kemampanan pesanan baharu yang berdaya tahan, manakala PMI Perkhidmatan meningkat sedikit kepada 54.1 (Jun: 54.0), menandakan pengembangan sektor perkhidmatan.

Pada bulan Julai, hasil MGS dan GII Malaysia naik, masing-masing meningkat antara 5 hingga 12 mata asas, selaras dengan pergerakan hasil global. Pelabur asing merupakan penjual bersih pada bulan ini, mencatatkan aliran keluar bersih RM5.6 bilion (Jun: aliran masuk bersih RM4.9 bilion), lalu menjadikan aliran masuk bersih YTD kepada RM3.4 bilion. Sementara itu, hasil UST 10 tahun naik mendadak kepada 4.75% (Jun: 4.44%) apabila ketegangan Timur Tengah yang semakin meruncing mencetuskan kebimbangan tentang gangguan bekalan, lalu memacu harga minyak lebih tinggi dan membangkitkan semula kebimbangan tentang inflasi.

Market Outlook / 市场展望 / *Gambaran Bulanan*

Equity / 股票市场 / *Ekuiti*

The US Iran war ceasefire was short-lived, as attacks from both sides restarted not long after the ceasefire MoU was signed. Tensions have intensified as passage through the Red Sea is not free flowing, with certain vessels being targeted by the Houthis. Domestically politics continue to remain a key market focus. Negeri Sembilan's state election on 1 August 2026 saw an informal electoral pact between BN and PN which helped them to secure a combined 25 of the 36 seats, comprising of 18 seats for BN and 7 for PN, while PH won 11 seats. Malacca is also expected to call its state election before the end of the year. As electoral activity intensifies, investors are likely to remain cautious amid rising political uncertainty. The outcomes of these state elections will be closely watched, particularly for any implications on the timing of the 16th General Election, with the possibility of an earlier-than-expected national poll. On the positive side, lower oil prices should ease pressure on the government's subsidy bill, potentially creating greater fiscal flexibility for targeted cash assistance measures ahead of Budget 2027 in October, which is expected to be very people friendly. Against this backdrop, the Fund remains cautiously constructive on equities and view periods of market weakness as opportunities to accumulate fundamentally sound companies at attractive valuations.

美国与伊朗之间的停火局面并未持续太久，停火谅解备忘录签署后不久，双方再次发动袭击。由于部分船只遭到胡塞武装袭击，红海航运仍然受阻，紧张局势进一步升级。国内政治依然是市场关注的重点。2026年8月1日举行的森美兰州选举中，国阵与国盟形成非正式选举合作，合计赢得36个议席中的25席，其中国阵获18席、国盟获7席；希盟则赢得11席。预计马六甲州也将在年底前举行州选举。随着选举活动日益升温，在政治不确定性加剧的背景下，投资者可能仍将保持谨慎。市场将密切关注这些州选举的结果，尤其是其对第16届全国大选时间安排的潜在影响，以及全国大选是否可能早于预期举行。从积极方面来看，油价下跌应有助于缓解政府的补贴支出压力，并有望为10月公布的2027年财政预算案提供更大的财政空间，以推出针对性的现金援助措施，而该预算案预计将是一份较为惠民的预算案。在此背景下，基金仍谨慎看好股票市场，并认为市场走弱期间是以具吸引力的估值逐步增持基本面稳健公司的机会。

Gencatan senjata perang AS Iran tidak bertahan lama, apabila kedua-dua pihak berbalas serangan tidak lama selepas MoU gencatan senjata ditandatangani. Ketegangan semakin memuncak apabila laluan menerusi Laut Merah tidak sebebas yang diharapkan, dengan beberapa buah kapal menjadi sasaran puak Houthi. Politik dalam negeri terus meraih tumpuan pasaran. Pilihan raya negeri Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2026 menyaksikan pakatan pilihan raya tidak rasmi antara BN dan PN membantu mereka memperoleh gabungan 25 daripada 36 kerusi, terdiri daripada 18 kerusi untuk BN dan 7 untuk PN, manakala PH memenangi 11 kerusi. Melaka juga dijangka mengadakan pilihan raya negeri sebelum akhir tahun ini. Apabila aktiviti pilihan raya semakin rancak, maka pelabur mungkin tetap berhati-hati di tengah-tengah ketidaktentuan politik yang semakin meningkat. Keputusan pilihan raya negeri ini akan dipantau dengan teliti, terutamanya sebarang implikasi pada masa Pilihan Raya Umum ke-16 berlangsung kelak, dengan kemungkinan pilihan raya umum akan diadakan lebih awal daripada jangkaan. Dari sudut positif, harga minyak yang lebih rendah boleh mengendurkan tekanan ke atas rang undang-undang subsidi kerajaan, justeru berupaya menyediakan ruang fleksibiliti fiskal yang lebih besar ke atas langkah bantuan tunai yang disasarkan menjelang Belanjawan 2027 pada Oktober, yang dijangka sangat mesra rakyat. Berlatar belakang perkembangan ini, Dana tetap konstruktif namun berhati-hati terhadap ekuiti dan melihat tempoh kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul syarikat berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Fixed Income / 固定收益市场 / *Pendapatan Tetap*

The Federal Reserve kept its benchmark federal funds rate unchanged at 3.5% to 3.75% at its July 2026 meeting, marking a fifth consecutive pause. Led by newly appointed Chairman Kevin Warsh, the Committee noted that economic activity continued to expand at a solid pace, while inflation remained elevated and uncertainty surrounding the economic outlook persisted amid Middle East tensions and energy supply disruptions. Although three FOMC members dissented in favour of a rate hike, the Fed emphasised that future policy decisions would remain data-dependent, with the path of interest rate determined by incoming economic and inflation data. The Fed's overall messaging nevertheless led markets to scale back expectations of near -term tightening. This view was reinforced by the unexpected decline of 23,000 in nonfarm payrolls in July 2026, compared with expectations for an increase of 80,000 to 85,000 jobs. Nevertheless, markets continue to price in the possibility of further policy tightening later in 2026, given elevated inflation and energy prices. Geopolitical tensions, particularly the conflict in the Middle East, remain fluid, while concerns over AI-related debt issuance and stretched valuations have added pressure on financial markets. Rising oil and gas prices could add to inflationary pressures if sustained, particularly through their impact on transportation, utilities and production costs. Beyond the Fed outlook and Middle East tensions, additional risks include escalating tariff and trade frictions, persistent supply chain disruptions, US fiscal concerns, China's structural deflationary pressures, and rising geoeconomic fragmentation.

BNM expects the economy to grow by 4% to 5% in 2026, supported by resilient domestic demand, stronger-than-expected export performance, robust E&E demand and sustained investment activity despite external headwinds. While elevated global commodity and energy prices amid ongoing Middle East tensions may exert some upward pressure on inflation, BNM expects the impact on both headline and core inflation to remain contained, supported by domestic policy measures and stable demand conditions. Headline inflation is projected to average from 1.5% to 2.5% in 2026. The current monetary policy stance suggests that the OPR will likely be maintained at 2.75% in the near term, as BNM views the current level as appropriate for balancing price stability with sustainable growth. Going forward, policy decisions are expected to remain data dependent as BNM continues to assess evolving risks to the inflation and growth outlook.

Four auctions are expected in the month of August 2026, reopening of 5-yr MGII 10/31, reopening of 30-yr MGS 7/55, reopening of 7-yr MGII 3/33 and reopening of 20-yr MGS 4/46. While broad liquidity in the system remains ample, short-term interbank liquidity has shown signs of tightness. The outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment from both local and foreign investors facing OPR normalisation risk. On the corporate front, we expect demand to stay resilient despite these factors, driven by ongoing institutional demand for bonds even though spreads are being compressed significantly.

美联储在2026年7月的会议上将基准联邦基金利率维持在3.50%至3.75%不变，这是连续第五次维持利率不变。在新任主席凯文·沃什（Kevin Warsh）的领导下，委员会指出，经济活动继续稳健扩张，而通胀仍处于高位。在中东紧张局势和能源供应中断的背景下，经济前景的不确定性仍然存在。尽管三名联邦公开市场委员会（FOMC）成员支持加息，但美联储强调，未来的政策决定仍将取决于数据，利率走向将由未来公布的经济及通胀数据决定。不过，美联储的整体表态促使市场下调了对近期进一步收紧货币政策的预期。7月份非农就业岗位意外减少2.3万个，而市场原本预期增加8万至8.5万个就业岗位，这进一步强化了上述预期。尽管如此，鉴于通胀率和能源价格仍处于高位，市场仍计入2026年稍晚进一步收紧政策的可能性。地缘政治局势，尤其是中东冲突，仍在不断演变；与此同时，对人工智能相关债务发行及估值偏高的担忧也进一步加大了金融市场压力。油气价格若持续走高，可能进一步推升通胀，尤其是通过交通、公用事业及生产成本传导。除了美联储政策前景及中东紧张局势外，其他风险还包括关税和贸易摩擦升级、供应链持续受扰、美国财政状况令人担忧、中国结构性通缩压力，以及地缘经济碎片化加剧。

PRULink Dana Urus

All data is as of 31 July 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年7月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Julai 2026 melainkan jika dinyatakan

国行（BNM）预计，2026年马来西亚经济将增长4%至5%，主要受到韧性较强的国内需求、好于预期的出口表现、稳健的电子电气（E&E）需求以及持续的投资活动支持，尽管外部环境仍面临阻力。尽管中东紧张局势持续，全球大宗商品和能源价格高企可能对通胀构成一定的上行压力，但国行预计，在国内政策措施及稳定需求状况的支持下，总体通胀和核心通胀所受影响仍将处于可控范围。预计2026年总体通胀率平均维持在1.5%至2.5%的区间。目前的货币政策立场表明，隔夜政策利率（OPR）短期内可能维持在2.75%，因为国行认为当前利率水平能够在价格稳定与可持续经济增长之间取得平衡。展望未来，随着国行持续评估通胀及经济增长前景的变化，未来政策决定预计仍将以数据为依据。

预计2026年8月将进行四场国债招标，分别为5年期大马政府投资票据（MGII）10/31、30年期大马政府债券（MGS）7/55、7年期MGII 3/33及20年期MGS 4/46。尽管系统整体流动性依然充裕，但短期银行间流动性已显露趋紧迹象。这些招标结果可能受到国内外投资者当前市场情绪的影响，尤其是在隔夜政策利率（OPR）正常化风险下。企业债券方面，尽管利差大幅收窄，我们预计需求仍将保持韧性，主要得益于机构对债券的持续需求。

Rizab Persekutuan mengekalkan kadar dana penanda aras persekutuannya pada 3.5% hingga 3.75% menerusi mesyuarat Julai 2026, menandakan penangguhan yang kelima berturut-turut. Dipimpin oleh Pengerusi yang baru dilantik Kevin Warsh, Jawatankuasa menyatakan bahawa aktiviti ekonomi terus berkembang pada kadar yang kukuh, manakala inflasi tetap tinggi sementelah ketidaktentuan yang berterusan seputar prospek ekonomi di tengah-tengah ketegangan Timur Tengah dan gangguan bekalan tenaga. Walaupun tiga ahli FOMC tidak menyokong usul kenaikan kadar, namun Fed menekankan bahawa keputusan dasar masa depan akan bergantung kepada data, dengan laluan kadar faedah ditentukan oleh kemasukan data ekonomi dan inflasi. Walau bagaimanapun, mesej keseluruhan Fed mendorong pasaran agar tidak terlalu berharap kepada pengetatan dalam jangka pendek. Pandangan ini diperkukuh oleh penurunan 23,000 pekerjaan yang di luar jangkaan dalam senarai gaji sektor bukan perladangan pada Julai 2026, berbanding jangkaan kepada peningkatan 80,000 hingga 85,000 peluang pekerjaan. Namun demikian, pasaran terus menetaphargakan kemungkinan pengetatan dasar selanjutnya pada tahun 2026, mengambil kira kenaikan inflasi dan harga tenaga. Ketegangan geopolitik, terutamanya konflik di Timur Tengah belum berubah, sementara kebimbangan terhadap terbitan hutang berkaitan AI dan penilaian yang terlalu regang telah menambah tekanan ke atas pasaran kewangan. Kenaikan harga minyak dan gas boleh menambah tekanan inflasi jika berterusan, terutama sekali melalui kesannya terhadap pengangkutan, utiliti dan kos pengeluaran. Melangkau tinjauan Fed dan ketegangan Timur Tengah, risiko tambahan termasuk peningkatan tarif dan geseran perdagangan, gangguan rantaian bekalan yang berterusan, kebimbangan fiskal AS, struktur tekanan deflasi China dan pemecahan geoekonomi yang meningkat.

BNM menjangkakan ekonomi berkembang 4% hingga 5% pada tahun 2026, disokong oleh keampuhan permintaan domestik, pengukuhan prestasi eksport yang mengatasi jangkaan, keteguhan permintaan E&E dan kerancakan aktiviti pelaburan meskipun ditujah cabaran luaran. Sementara kenaikan harga komoditi dan tenaga global berikutan ketegangan Timur Tengah yang berterusan mungkin menimbulkan tekanan menaik ke atas inflasi, namun BNM menjangkakan kesan ke atas kedua-dua inflasi keseluruhan dan teras akan terkawal, disokong oleh pendekatan dasar dalam negara dan kestabilan permintaan. Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata daripada 1.5% kepada 2.5% bagi tahun 2026. Pendirian dasar monetari menunjukkan bahawa OPR mungkin dikekalkan pada 2.75% dalam jangka terdekat, memandangkan BNM melihat paras semasa sebagai bersesuaian untuk mengimbangi kestabilan harga dengan kemampanan pertumbuhan. Melangkah ke hadapan, keputusan dasar dijangka bergantung kepada data kerana BNM menilai risiko yang berubah-ubah terhadap inflasi dan prospek pertumbuhan.

Empat lelongan dijangkakan pada Ogos 2026, pembukaan semula MGII 10/31 5-tahun, pembukaan semula MGS 7/55 30-tahun, pembukaan semula MGII 3/33 7-tahun dan pembukaan semula MGS 4/46 20-tahun. Sementara kecairan dalam sistem kekal mencukupi secara keseluruhan, namun kecairan antara bank dalam jangka pendek mula menunjukkan tanda-tanda kesesakan. Hasil daripada lelongan ini mungkin dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa daripada pelabur tempatan dan asing yang berdepan risiko normalisasi OPR. Meninjau sektor korporat, kami jangkakan permintaan akan kekal berdaya tahan di sebalik faktor-faktor ini, didorong oleh permintaan institusi yang berterusan ke atas bon walaupun spread termampat dengan ketara.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / *Tinjauan dan Strategi Dana*

The Fund returned 1.57% for the month, underperforming the benchmark return of 1.83% by 0.26%. Year-to-date, the Fund returned 1.51%, underperforming the benchmark return of 3.27% by 1.76%.

For equity, the underperformance was mainly due to the Fund's overweight in the property sector as well as underweight in the telecommunications sector and selective technology stocks . For fixed income, domestic government bond yields drifted higher, taking cue from the sustained elevation in global yields. Malaysian government securities were sold off by 2–11bps across the curve, with the front-to-belly tenures bearing the brunt of the repricing. Given the inverse relationship between yields and prices, the Fund's duration exposure was a drag on performance , although accrued coupon income provided a partial buffer against the mark -to-market decline.

As of end-July 2026, the Fund has 70.7% exposure in equities and 29.3% in bonds (versus Neutral position of 70:30 equity:bond).

本基金月内回酬为1.57%，跑输1.83%的基准回酬0.26%。年初至今，本基金回酬为1.51%，跑输3.27%的基准回酬1.76%。

股票方面，基金表现跑输基准，主要由于超配房地产板块，以及低配电信板块和部分科技股。固定收益方面，国内政府债券收益率跟随全球收益率持续高企而走高。马来西亚政府证券各期限收益率上升2至11个基点，其中短端至中段期限债券承受了此次重新定价的主要压力。由于收益率与债券价格呈反向关系，本基金的久期配置拖累了投资表现，惟应计票息收入部分缓冲了按市值计价下跌所带来的影响。

截至2026年7月底，此基金在股票的投资比重为70.7%，债券的是29.3%（对比70:30股票：债券的中和部署。

Dana menghulurkan pulangan 1.57% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 1.83% dengan perbezaan 0.26%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana memberikan pulangan 1.51%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 3.27% dengan perbezaan 1.76%.

Meninjau ekuiti, prestasinya yang hambar disebabkan terutamanya oleh lebihan berat Dana dalam sektor hartanah di samping kurangan berat dalam sektor telekomunikasi serta stok teknologi tertentu. Menyorot pendapatan tetap, hasil bon kerajaan domestik bergerak lebih tinggi, mengambil petunjuk daripada peningkatan hasil global yang berterusan. Sekuriti kerajaan Malaysia terjual 2–11 mata asas di sepanjang keluk, dengan tempoh matang jangka pendek hingga sederhana menanggung beban berat penetapan semula harga. Memandangkan perhubungan songsang antara hasil dan harga, maka pendedahan durasi Dana menghambat prestasi, meskipun pendapatan kupon terakru menyediakan sebahagian penampan terhadap kejatuhan nilai mengikut pasaran

Setakat akhir Julai 2026, Dana mempunyai pendedahan 70.7% dalam ekuiti dan 29.3% dalam bon (berbanding kedudukan Neutral 70:30 ekuiti:bon).

Source / 资料来源 / *Sumber*: Fund Commentary, July 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

PRULink Dana Urus

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

All data is as of 31 July 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截于2026年7月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Julai 2026 melainkan jika dinyatakan

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All PRULink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www .prudential.com.my

任何投资皆涉及投资风险, 包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定。所有PRULink Dana皆是投资予回教法典(Syariah)核准的证卷和/或回教私立债务证卷。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则, 请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入, 将以保单文件者为准。若说明书的英文, 马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基 金说明书,请浏览www.prudential.com.my

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua PRULink Dana *dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my*

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur. Tel: 03-2778 3888
Email: customer.mys@prudential.com.my Website: www.prudential.com.my